

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 23 OGOS 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 26

Tekad jitu ke arah negara berpendapatan tinggi

Tekad jitu ke arah negara berpendapatan tinggi

Kuala Lumpur: Pelaksanaan dasar Ekonomi Madani memerlukan tekad dan komitmen jitu dalam pelaksanaannya untuk membebaskan Malaysia daripada terjerat sebagai negara berpendapatan sederhana untuk menuju ke arah negara berpendapatan tinggi.

Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Datuk Shaik Abdul Rasheed Ghaffour berkata, ekonomi Malaysia berada di persimpangan dan dasar ekonomi dan kewangan hari ini bakal menentukan hala tuju dan trajektori pembangunan negara pada masa hadapan.

"Jurang di antara golongan kaya, miskin semakin meluas serta perlu di-

tangani dan diimbangi dengan pembangunan masyarakat yang inklusif, adil, saksama serta mengekalkan integriti sosial," katanya pada Majlis Jalinan Kerjasama iTekad anjuran BNM buat julung kalinya di sini, semalam.

Majlis itu dihadiri Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Na'im Mokhtar dan Timbalan Menteri Kewangan 1, Datuk Seri Ahmad Maslan.

Abdul Rasheed berkata, sektor kewangan berperanan penting sebagai memangkinkan pertumbuhan ekonomi dengan sektor kewangan menjadi pengantara mereka yang



Dasar ekonomi dan kewangan hari ini bakal menentukan hala tuju dan trajektori pembangunan negara pada masa hadapan"

Abdul Rasheed

berpendapatan lebih dengan mereka yang memerlukan dana.

Malah jelasnya, sektor kewangan juga menyediakan modal dan kredit kepada ekonomi, memudahkan pelbagai jenis transaksi kewangan dan memungkinkannya pengurusan risiko melalui pelbagai

instrumen dan juga produk.

Katanya, hasrat BNM ialah membangunkan sektor kewangan progresif, teguh, telus dan bertanggungjawab serta mampu menyumbang kepada kemajuan lebih adil, setara, bermakna dan inklusif buat rakyat negara ini.

"Pelan Sektor Kewangan 2022-2026 adalah rencana Bank Negara Malaysia ke arah matlamat ini. Pelan ini lahir dengan tiga objektif utama iaitu 'kewangan untuk semua', 'kewangan untuk transformasi' dan 'kewangan untuk kelestarian'.

"Pelan ini bermisi untuk menjadikan sektor kewangan lebih dinamik demi

memenuhi keperluan ekonomi dan menjadikannya lebih terangkum, memberi nilai kepada pihak berkepentingan dan adil kepada pengguna," katanya.

Majlis Jalinan Kerjasama iTekad dianjurkan BNM untuk menyediakan platform mengadakan dialog bagi mengukuhkan lagi sinergi dan komitmen terhadap pembangunan sosio ekonomi mampan melalui kewangan sosial.

Lebih 300 rakan pelak-sana sedia ada dan bakal rakan pelaksana hadir ke majlis itu yang terdiri daripada institusi kewangan, Majlis Agama Islam Negeri, syarikat korporat, agensi kerajaan serta syarikat berkaitan kerajaan.